

FAMILY FUN RACE

Keluarga merupakan komponen penting dalam proses pembentukan masyarakat dan seterusnya negara. Tanpa institusi keluarga, kewujudan negara tidak akan sempurna. Islam memandang keluarga sebagai sebuah institusi pencorak masyarakat yang bakal dibina. Di dalam Islam tanggungjawab kepimpinan keluarga pada asasnya terletak pada kaum lelaki. Walau bagaimanapun dalam memastikan kejayaan institusi ini, kedua-dua belah pihak iaitu ibu dan bapa seharusnya memainkan peranan yang sama penting. Sebagai suami peranan asas ialah menyediakan keperluan seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian. Bukan itu sahaja, sebagai seorang ayah, beliau juga bertanggungjawab untuk memberi pendidikan akademik yang penting untuk perkembangan minda dan pendidikan agama untuk kesejahteraan rohani dan fizikal. Bagi ibu pula tanggungjawab utamanya ialah memastikan kelancaran dalam sistem rumah tangga yang disulami perasaan kasih sayang dan hormat menghormati.

Kemakmuran pada asasnya bermula dari dalam diri individu akan berkembang untuk mewujudkan kesejahteraan dalam keluarga. Melalui tiga kaedah pendidikan asas iaitu pendidikan melalui teladan, pendidikan yang menekankan aspek kerohanian dan pendidikan tentang kedudukan dan kelangsungan bangsa, ibu bapa mampu menyumbang ke arah pembentukan sebuah tamadun bangsa.

Mengambil tema Kekeluargaan, maka bertepatan dengan sambutan Jubli Perak pada tahun ini, Kelab Perkhidmatan Awam menterjemahkan aspek kekeluargaan itu dalam bentuk sukan dengan mengadakan acara **FAMILY FUN RACE** sebagai acara utamanya. Ianya merupakan suatu perlumba yang positif berkonsepkan satu keluarga melakukan aktiviti bersama dalam suasana riang, hormoni dan seronok disamping berinteraksi dengan cara kasih dan sayang, mampu mengambarkan teladan yang baik. Disamping itu ianya menguji kecerdasan fizikal dan kecerdasan minda.

FAMILY FUN RACE yang diadakan ini bertujuan untuk mempromosi kepentingan dan perlunya keakraban anggota keluarga. Ianya menjadi satu medium kearah mengalakkan sesebuah keluarga itu melakukan apa jua sukan dan riadah seisi keluarga selain dari urusan kekeluargaan yang lain.

SYARAT & PERATURAN

1. Penyertaan Family Fun Race hendaklah dalam satu kumpulan yang mengandungi seorang lelaki dan seorang perempuan berumur 18 tahun ke atas. Bagi memudahkan, berikut adalah contoh formasi untuk perlumba ini:
 - a. Suami dan Isteri
 - b. Adik beradik lelaki dan perempuan
 - c. Saudara lelaki dan saudara perempuan
 - d. Rakan lelaki dan perempuan
 - e. Lain-lain formasi mengikut aturan umur di atas
2. Peserta hendaklah memastikan diri dalam keadaan sihat dari segi fizikal dan mental untuk menyertai acara ini.
3. Dimestikan tiba di Check Point dalam satu kumpulan mengikut nama yang didaftarkan.
4. Dimestikan menyudahkan tugasan di beberapa Check Point yang telah ditetapkan sebelum Race Clue Card di bubuh cop.
5. Peserta dikehendaki mengikut giliran di mana-mana Check Point yang mempunyai tugas.
6. Hendaklah memastikan Race Clue Card di bubuh cop sebelum meneruskan larian ke Check Point seterusnya.
7. Tidak dibenarkan menggunakan apa juga kenderaan sepanjang perlumba ini.
8. Masa hanya diberikan selama 2 jam 30 minit sahaja. Kumpulan dikehendaki tiba di penamat dalam tempoh masa yang ditetapkan.
9. Bagi penyertaan Fun Runner, hendaklah berumur 17 tahun ke bawah hendaklah mendapatkan kebenaran dari ibubapa atau penjaga.
10. Fun Runner tidak bertanding dalam perlumba ini.
11. Bayaran Penyertaan adalah secara Tunai.
12. Pihak Pengarjur boleh meminda syarat dan peraturan ini pada bila-bila masa tanpa notis.

GAMBARAN PERLUMBAAN


1. Peserta bagi **FAMILY FUN RACE (bertanding)** akan dibekalkan dengan Race Clue Card dan Peta (versi google). Race Clue Card dan peta diperolehi di satu lokasi yang ditetapkan pada hari perlumbaan.
2. Kumpulan akan mulakan perlumbaan dengan menuju kesetiap Check Point yang ditunjukkan dalam Race Clue Card.
3. Kumpulan boleh menuju ke mana-mana Check Point tanpa mengikut urutan clue yang ditunjukkan dalam Race Clue Card.
4. Petugas akan ditempatkan disetiap Check Point. Kumpulan hendaklah memastikan Race Clue Card di cop oleh petugas dalam petak yang betul. Kumpulan dianggap tidak tiba di Check Point jika Race Clue Card tidak dibubuh cop. Kumpulan bertanggungjawab menyemak Race Clue Card pada setiap masa.
5. Beberapa Check Point akan disediakan satu tugasan. Kumpulan dikehendaki menyudahkan tugasan tersebut sebelum Race Clue Card di cop.
6. Tidak dibenarkan menggunakan apa jua kenderaan sepanjang perlumba ini.
7. Tidak dibenarkan berkirim Race Clue Card kepada Kumpulan lain atau orang lain bertujuan mendapatkan Cop dimana-mana Check Point.
8. Masa perlumba dihadkan kepada 2 jam sahaja. Kumpulan dikehendaki kembali ke penamat apabila masa hampir tamat.
9. Setiap kumpulan hendaklah memastikan kesemua anggotanya tiba di penamat.
10. Kumpulan Pertama, Kedua dan Ketiga yang tiba di penamat dengan melengkapkan semua ruangan dalam Race Clue Card dalam masa yang terpanas adalah dikira pemenang.
11. Petugas di meja penamat akan membuat semakan Race Clue Card.
12. Bagi peserta **FUN RUNNER (tidak bertanding)** akan berlari mengikut laluan sejauh 5km seperti yang ditunjukkan dan dipamerkan di PAPAN PETA.

YURAN PENYERTAAN

FAMILY FUN RACE
\$20.00 (SEORANG)

FUN RUNNER
\$20.00 (SEORANG)

BORANG PENDAFTARAN DAN PENYERTAAN



TARIKH TUTUP PENDAFTARAN DAN PENYERTAAN PADA 17 OGOS 2015 JAM 4.00 PETANG